



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

Aras 3 & 4, Menara SSM Ipoh Perak,  
Jalan Basco Keping 1,  
Basco Avenue@Keping,  
31400 Ipoh, Perak

No.Tel : 605 - 246 2100  
Laman Web : <http://portalpp.anm.gov.my/perak>

Ruj.Kami : ANM.PK.G.600-1/1/2Jld.5 (21)  
Tarikh : 27 Jun 2023

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/ Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr/ Tuan/ Puan,

**TATACARA PEMBAYARAN GAJI DI BAWAH INISIATIF SHORT-TERM EMPLOYMENT (MySTEP) MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMS**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan buletin nombor rujukan ANM.PK.D/600-2/5 Jld 2(45) bertarikh 13 Jun 2023 adalah berkaitan.

2. Merujuk kepada Surat Edaran BPOPP bilangan 6 tahun 2023 Penyeragaman Penggunaan Kod Akaun (Carta Akaun Akruan – CAA), Perihal dan Modul Bayaran, pembayaran Gaji/ Upah MySTEP melalui Arahan Pembayaran di sistem iGFMS perlu menggunakan **Modul Pendapatan Bercukai (Jenis Dokumen K6)**.

3. Sehubungan dengan itu, pembayaran gaji kepada pegawai yang dilantik di bawah inisiatif MySTEP yang menggunakan Arahan Pembayaran hendaklah mematuhi perkara berikut:

- 3.1 Menggunakan kod pembekal **PANS** (Penerima Bayaran Bukan Pembekal-14 Siri);
- 3.2 Caruman Majikan dan Pekerja bagi caruman KWSP dan PERKESO hendaklah dikreditkan ke kod akaun L1311903;
- 3.3 Mencatatkan perihal bayaran mengikut format "**MySTEP/Bulan/Tahun**" dan
- 3.4 Memastikan dokumen pembayaran adalah lengkap.

4. Selain itu, pembayaran kepada KWSP dan PERKESO hendaklah dibuat dengan mematuhi perkara berikut:

- 4.1 Pembayaran dicaj kepada kod akaun L1311903 (sumbangan badan berkanun);

- 4.2 Kod Pembekal seperti berikut :
- a) Caruman KWSP - 2400000260
  - b) Caruman PERKESO - 2400000361
- 4.3 Melengkapkan Borang A di dalam portal KWSP dan Borang 8A di dalam portal PERKESO; dan
- 4.4 Memastikan dokumen sokongan adalah lengkap.
5. Untuk tindakan selanjutnya, disarankan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr/ Tuan/ Puan disarankan merujuk **Lampiran A** untuk penjelasan berkenaan kod akaun yang perlu digunakan semasa penyediaan Arahan Pembayaran.
6. Mohon perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr/ Tuan/ Puan untuk mematuhi ketetapan seperti di atas bagi mengelakkan Arahan Pembayaran dikuiiri di peringkat Pejabat Perakaunan. Arahan ini berkuatkuasa pada **1 Julai 2023**.
7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr/ Tuan/ Puan ke atas perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(RUHEILA AFZAN BINTI MUSA PJK, C.A.(M), ACMA, CGMA, CPFA(UK))**

Timbalan Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Perak

## LAMPIRAN A

### TATACARA PEMBAYARAN GAJI DI BAWAH INISIATIF SHORT-TERM EMPLOYMENT (MySTEP) MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN iGFMS

1. Bayaran upah personal MySTEP melalui Sistem Gaji Berkomputer (HCM) – *Daily Rated Cycle* adalah **seperti biasa**.
2. Kaedah bayaran upah personal MySTEP melalui modul Arahan Pembayaran Sistem iGFMS adalah seperti berikut :
  - i) Modul : **Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (K6)**
  - ii) Perihal Bayaran : **MySTEP/bb/tttt- Upah Personal MySTEP**
  - iii) PTJ tidak perlu mengemukakan permohonan kelulusan bayaran kepada Pejabat Perakauan.
3. Bayaran upah MySTEP - Arahan Pembayaran Pendapatan Bercukai (K6)

Entry	Kod Akaun	Kod Dana	Amaun	Transaksi Bayaran
Debit	B0229301	BXXXX	XXXX	Upah
Debit	B0229303	BXXXX	XXX	KWSP - Caruman Majikan
Debit	B0229303	BXXXX	XX	PERKESO - Caruman Majikan
Kredit	L1311903	G000	(XXX)	KWSP - Caruman Majikan dan Pekerja
Kredit	L1311903	G000	(XX)	PERKESO - Caruman Majikan dan Pekerja

4. Bayaran Caruman KWSP - K2 (M)
  - i) Perihal Bayaran : **Tidak perlu diisi (Auto generated)** tetapi PTJ perlu mengunci masuk Nombor Majikan dengan tepat (cukup 9 bilangan aksara) di ruangan Nombor Rujukan Majikan (KWSP), bulan caruman (BBTTTT), jenis bayar dan kod negeri.
  - ii) Contoh Perihal : **000712689062023A1008** (lengkap 20 aksara)

Entry	Kod Akaun	Kod Dana	Amaun	Transaksi Bayaran
Debit	L1311903	G000	XXX	KWSP - Caruman Majikan dan Pekerja

5. Bayaran Caruman SOCSO - K2 (A)

i) Perihal Bayaran : No. Kod Majikan + Bulan dan Tahun Caruman (BBTTTT)  
+ Kod AO (2 digit terakhir)

ii) Contoh Perihal : **A6300045268B06202308**

Entry	Kod Akaun	Kod Dana	Amaun	Transaksi Bayaran
Debit	L1311903	G000	XXX	PERKESO - Caruman Majikan dan Pekerja

6. Pihak PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pematuhan terhadap arahan statutori KWSP dan PERKESO iaitu dokumen perlu dilengkapkan dan dihantar kepada kedua - dua agensi ini.

i) KWSP - Sistem i-Akaun (Majikan)

ii) PERKESO – Portal Assist untuk Pembayaran Secara Arahan Pembayaran

7. Semua Personal MySTEP dibenarkan menggunakan kod vendor berikut :

Bil	Kod Vendor	
1.	PANS (Penerima Bayaran Bukan Pembekal) 14XXXXXXXX	Untuk personal lantikan baru yang tidak mempunyai nombor gaji hendaklah memohon kelulusan daripada pihak Unit Khidmat Pengurusan Pelanggan (UKPP). Borang dan tatacara boleh didapati di Portal JANM Negeri Perak, Edaran LCA Bil. 2 Tahun 2021 Tarikh 29/03/2021 seperti link dibawah <a href="https://perak.anm.gov.my/index.php/arkib-perak/pengumuman/2021/arkib-pengumuman-2021/10282-ralat-edaran-lca-bil-2-tahun-2021-penambahbaikan-proses-penyelenggaraan-maklumat-kod-pembekal-di-portal-igfmas">https://perak.anm.gov.my/index.php/arkib-perak/pengumuman/2021/arkib-pengumuman-2021/10282-ralat-edaran-lca-bil-2-tahun-2021-penambahbaikan-proses-penyelenggaraan-maklumat-kod-pembekal-di-portal-igfmas</a> dan dihantar ke Unit UKPP secara <i>hardcopy</i> .  Bagi pembayaran menggunakan kod siri PANS tidak ditunjukkan pada Penyata Pendapatan (EC FORM). Pegawai yang menerima bayaran tersebut bertanggungjawab untuk membuat pengisytiharan ( <i>declaration</i> ) semasa pengisian Borang Nyata Cukai Pendapatan ( <i>e-Filing</i> ).
2.	EMP (Penjawat Awam) 5XXXXXXXX	Untuk personal yang telah mempunyai nombor gaji dan kod vendor

8. Tatacara ini hanya terpakai untuk pembayaran upah MySTEP bagi PTJ/ PC dibawah seliaan JANM Negeri Perak sahaja.